

Cuepacs tetap pertahankan skim pencen

Um - 31/1/2007

PUTRAJAYA 30 Jan. - Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) tetap dengan pendirian untuk mempertahankan skim pencen yang diamalkan sekarang kerana lebih menarik dan menguntungkan 1.2 juta kakitangan awam.

Justeru, Cuepacs menolak penjelasan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung skim Faedah Pencen Berucarum (FPB) pada pertemuan mereka di sini, hari ini.

Presidennya, Omar Osman berkata, untuk itu Cuepacs memutuskan membincangkan hasil pertemuan hari ini di peringkat Majlis Kongres Cuepacs pada 12 Februari ini di Kuala Lumpur.

"Keputusan mengenai perkara ini akan dimuktamadkan pada majlis tersebut sebelum perbincangan susulan diadakan semula bersama JPA pada Mac depan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Terdahulu, Omar bersama pegawai-pegawainya mengadakan dialog selama empat jam bersama Ketua Pengarah JPA, Tan Sri Ismail Adam dan Timbalannya, Datuk Ahmad Said di ibu pejabat JPA, di sini.

Dialog itu bagi menyediakan landasan untuk kedua-dua pihak menyata dan mempertahankan pendapat masing-masing selain mencari kaedah terbaik untuk kebaikan bersama.

Skim FPB dicadangkan untuk pelantikan kakitangan awam yang baru tanpa membabitkan mereka yang sudah lama berkhidmat.

Ia memerlukan kakitangan awam men-carum dalam Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) dan mengeluarkan caruman berkenaan apabila bersara atau mencapai tempoh tertentu perkhidmatan.

Mengulas lanjut, Omar berkata, skim pencen sekarang adalah lebih baik kerana masa depan kakitangan awam yang bersara lebih terjamin.